

Syor perkenal silibus institusi kekeluargaan di sekolah

➔ Pendedahan awal mampu kekang kes keganasan rumah tangga, perceraian

Oleh Hidayah Mohammad
hid_mohd@bh.com.my

✦ Bangi

Kerajaan disaran memperkenalkan silibus berkaitan institusi kekeluargaan di sekolah, sebagai pendedahan awal kepada pelajar bagi menempuh kehidupan lebih mencabar selepas tamat persekolahan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata menerusi silibus itu pelajar

diberi pendedahan senario lebih mencabar membabitkan peranan, hak dan tanggungjawab dalam institusi kekeluargaan.

Justeru, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) disarankan bekerjasama menyediakan silibus berkenaan, bagi melahirkan generasi yang sejahtera.

Katanya, mungkin mata pelajaran itu boleh dimasukkan dalam pasca Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai ilmu asas sebelum meneruskan pengajian, bekerja atau berumah tangga.

Kaedah itu dianggap sebagai pendedahan awal bagi memahami konflik dalam institusi kekeluargaan, seperti membabitkan kes keganasan rumah tangga dan perceraian.

“Di institusi pengajian tinggi juga tidak ada ilmu mengenai asas kekeluargaan dan rumah tangga, melainkan mereka memilih bidang

Isnin, 12 November 2018 **BH**